

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### LAPAN SYARIKAT DI DENDA RM1.5 JUTA BAGI KARTEL TIPUAN BIDA

**KUALA LUMPUR, 5 JULAI 2022** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenakan penalti kewangan berjumlah **RM1,548,192.36** terhadap lapan (8) syarikat kerana penglibatan mereka dalam aktiviti tipuan bida melibatkan empat (4) projek berasingan berkaitan IT bernilai RM1,925,365.90 yang diperolehi oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (“ASWARA”).

Syarikat-syarikat ini perlu membayar sebanyak:-

Bil.	Syarikat	Jumlah
1.	Tuah Packet Sdn. Bhd. (“Tuah Packet”)	RM224,589.13
2.	Caliber Interconnects Sdn. Bhd. (“Caliber”)	RM301,822.45
3.	Aliran Digital Sdn. Bhd. (“Aliran Digital”)	RM32,471.26
4.	ViaMED Sdn. Bhd. (“ViaMED”)	RM95,512.17
5.	Novatis Resources Sdn. Bhd. (“Novatis”)	RM414,829.38
6.	Silver Tech Synergy Sdn. Bhd. (“Silver Tech”)	RM14,836.26
7.	Venture Nucleus (M) Sdn. Bhd. (“Venture Nucleus”)	RM320,848.46
8.	Basenet Technology Sdn. Bhd. (“Basenet”)	RM143,283.24

Pada awal 2017, selepas menerima maklumat mengenai dakwaan perlakuan tipuan bida yang melibatkan projek ASWARA, MyCC memulakan siasatan di bawah seksyen 15 Akta Persaingan 2010 untuk memastikan sama ada terdapat pelanggaran seksyen 4 di bawah Akta yang sama. Semasa penyiasatan dijalankan, MyCC mendapati tiga (3) lagi projek lain mengandungi unsur tipuan bida yang serupa.

#### (1) SEBUT HARGA TAHUN 2016 BERNILAI RM467,727.00

Terdapat enam syarikat yang telah mengambil bahagian dalam projek perolehan ini dan mereka membentuk dua (2) kartel berasingan. Kartel pertama adalah antara

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

Tuah Packet dan Caliber; manakala kartel kedua adalah antara Novatis, Basenet, Venture Nucleus dan Silver Tech. Syarika yang memenangi projek ini ialah Caliber.

**a. Aktiviti Kartel oleh Tuah Packet dan Caliber**

Kedua-dua syarikat; Tuah Packet dan Caliber menyertai sebut harga ini. Caliber memenangi sebut harga tersebut dan dijemput oleh ASWARA untuk menghadiri mesyuarat *kick-off* projek ini. Mesyuarat yang sama turut dihadiri oleh wakil daripada Tuah Packet walaupun sebut harga tersebut telah diberi kepada Caliber. Wakil daripada Tuah Packet kemudiannya membuat pembentangan teknikal kepada ASWARA bagi pihak Caliber; manakala Caliber menghantar wakil bahagian pemasaran untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

MyCC juga mendapati bahawa bahagian teknikal dokumen sebut harga Caliber telah disediakan oleh Tuah Packet. Tuah Packet juga telah menyerahkan dokumen sebut harga tersebut bagi pihak Caliber dan Tuah Packet kepada ASWARA, pada masa yang berbeza untuk mengelakkan syak wasangka. Hasil penyiasatan MyCC menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tersebut membuat perjanjian lisan; di mana telah dipersetujui bahawa syarikat yang kalah akan menerima kerja subkontrak daripada syarikat yang memenangi projek ini.

**b. Aktiviti Kartel oleh Novatis, Basenet, Venture Nucleus dan Silver Tech**

Novatis menyediakan dan menyerahkan sebut harga untuk empat syarikat, termasuk syarikatnya sendiri, kepada ASWARA.

Wakil daripada syarikat tersebut mengesahkan bahawa terdapat amalan penggunaan pakai nama yang sedia ada di kalangan mereka. Sebagai sebahagian daripada penggunaan pakai nama syarikat, mereka telah berkongsi dokumen sulit syarikat seperti kepala surat, dokumen kewangan, sijil CIDB, sijil MOF dan cop syarikat antara satu sama lain. Perkongsian item tersebut membolehkan syarikat menyediakan dan menyerahkan dokumen tender syarikat lain kepada agensi perolehan.

**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

Disebabkan penggunaan pakai nama ini, Novatis mendapat kelebihan berbanding pembida yang bersaing secara adil; di mana ia kini mempunyai tiga tawaran lain yang diserahkan kepada ASWARA di bawah penyamaran tiga syarikat berasingan.

Walaupun aktiviti tipuan bida antara Novatis, Silver Tech, Venture Nucleus dan Basenet tidak menyebabkan mana-mana daripada mereka memenangi tender, MyCC memandang serius pakatan sulit tersebut kerana ia melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

**(2) TENDER TAHUN 2015 BERNILAI RM939,852.00**

**Aktiviti oleh Tuah Packet dan Aliran Digital**

Tuah Packet dan Aliran Digital telah melakukan persetujuan bertulis untuk Tuah Packet menggunakan nama Aliran Digital bagi menyertai tender ini. Walau bagaimanapun, Tuah Packet gagal melengkapkan dokumen tender Aliran Digital sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Oleh itu, Tuah Packet hanya menyerahkan dokumen tender syarikatnya kepada ASWARA.

Perlu diketengahkan walaupun dokumen tender Aliran Digital tidak dihantar oleh Tuah Packet, ini adalah disebabkankekangan masa dalam menyediakan dokumen tender; dan bukan keputusan oleh syarikat untuk meninggalkan pakatan sulit tersebut.

MyCC berpandangan bahawa walaupun kedua-dua syarikat tidak memenangi tender, satu pakatan sulit telah dibentuk oleh kedua-dua syarikat ini yang melanggar peruntukan yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

**(3) SEBUT HARGA 2015 BERNILAI RM475,000.00**

**Aktiviti Kartel Tuah Packet, Aliran Digital dan ViaMED**

Tuah Packet, Aliran Digital dan ViaMED telah menyertai sebut harga dengan membentuk satu kartel di kalangan mereka. Tuah Packet telah meminta kebenaran

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

daripada Aliran Digital dan ViaMED untuk menggunakan nama Aliran Digital dan ViaMED secara berasingan, untuk menyertai sebut harga ini. ViaMED telah bersetuju dengan permintaan Tuah Packet melalui e-mel dan seterusnya Tuah Packet menyediakan bahagian teknikal dokumen sebut harga bagi pihak ViaMED.

Walaupun Aliran Digital tidak membalias e-mel Tuah Packet, ia kemudiannya didapati bahawa terdapat persefahaman sedia ada untuk mengguna pakai nama syarikat antara Tuah Packet dan Aliran Digital. Sehubungan itu, e-mel yang dihantar oleh Tuah Packet kepada Aliran Digital hanyalah dihantar atas tujuan formaliti.

Malah, sebelum mendapat persetujuan Aliran Digital, Tuah Packet telah memulakan dan meneruskan pembelian dokumen sebut harga daripada ASWARA. Kemudian, Tuah Packet hanya menyerahkan dokumen sebut harga ViaMED kepada ASWARA.

MyCC berpandangan bahawa walaupun semua syarikat tidak memenangi sebut harga, mereka telah melanggar undang-undang dengan membentuk kartel yang melanggar larangan di bawah seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

**(4) SEBUT HARGA TAHUN 2015 BERNILAI RM42,786.90**

**Aktiviti Kartel oleh Tuah Packet dan ViaMED**

Tuah Packet dan ViaMED membentuk kartel untuk menyertai sebut harga dengan menggunakan modus operandi amalan mengguna pakai nama syarikat. Berdasarkan dokumen sebut harga ViaMED yang telah disediakan dan diserahkan oleh Tuah Packet kepada ASWARA, ViaMED telah dipilih sebagai pemenang. Tuah Packet memulakan kerja dan memberikan 5% daripada nilai kontrak kepada ViaMED sebagai ganjaran kewangan kerana telah membenarkan Tuah Packet menggunakan nama ViaMED bagi sebut harga ini.

Selepas semakan menyeluruh terhadap bukti dan pertimbangan teliti terhadap representasi bertulis dan/atau lisan oleh kelapan-lapan syarikat tersebut, MyCC memutuskan bahawa, berdasarkan bukti yang kuat dan kukuh, perlakuan syarikat-



**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

syarikat tersebut merupakan pelanggaran di bawah seksyen 4(1) yang dibaca bersama seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010.

Oleh itu, kelapan-lapan syarikat ini telah didapati melanggar Akta Persaingan 2010 dengan penglibatan mereka dalam siri perjanjian antipersaingan tipuan bida dan/atau amalan bersepadu yang melibatkan projek perolehan ASWARA.

“Prosedur perolehan awam ditetapkan untuk memastikan berlakunya pembidaan kompetitif di kalangan pembida. Oleh itu, syarikat mempunyai kewajipan untuk bertindak secara bertanggungjawab; pembida yang berminat hendaklah menyediakan dan menyerahkan tawaran mereka secara bebas antara satu sama lain. Sehubungan itu, tender atau sebut harga yang dikemukakan hasil daripada pakatan sulit atau kerjasama antara pembida untuk tender yang sama akan menyekat persaingan dan menimbulkan tanggapan palsu bahawa proses perolehan adalah adil. Oleh itu, kelakuan syarikat tersebut akan memudaratkan proses persaingan dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan, sekali gus mengakibatkan ketirisan kepada dana awam,” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

Susulan pelaksanaan pekeliling Integriti dalam Perolehan Awam (PK 1.6) yang baru dikeluarkan untuk dibaca bersama dengan pekeliling Ketidakpatuhan dalam Perolehan Awam (PK 8) oleh Kementerian Kewangan, individu atau perusahaan yang didapati terlibat dalam perlakuan tipu bida dalam perolehan awam boleh digantung pendaftaran untuk tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun, disenaraihitamkan dan dilarang daripada menyertai atau menerima sebarang tawaran perolehan yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan semasa tempoh penggantungan itu berkuat kuasa.

“Keputusan ini mencerminkan komitmen MyCC untuk terus membanteras perusahaan yang bersekongkol untuk menguras dana awam melalui aktiviti tipuan bida. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ASWARA di atas kerjasama yang diberikan sepanjang penyiasatan kes ini. Sekarang, kami juga sedang menyiasat 500 syarikat yang disyaki terlibat dalam penipuan proses tipuan bida dengan kontrak bernilai RM2 bilion dalam pelbagai industri. Kami tidak akan berputus asa dan bertekad dalam tindakan tegas ini. Nantikan lebih banyak keputusan yang akan menyusul,” tambahnya lagi.



**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

Keputusan bagi kes ini akan dipaparkan untuk tatapan umum melalui laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**-tamat-**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cadmycc@mycc.gov.my](mailto:cadmycc@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjadikan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).



# KARTEL TIPUAN BIDA OLEH 8 SYARIKAT

## Melibatkan Projek Perolehan ASWARA

### KESAN



Menerima maklumat berkenaan perlakuan yang mencurigakan oleh Tuah Packet & Caliber mengenai sebut harga yang dikeluarkan oleh ASWARA



MyCC memulakan penyiasatan; terdapat bukti bahawa Tuah Packet dan 6 syarikat lain terlibat dalam aktiviti tipuan bida berkenaan dengan:

3 Sebut harga & 1 tender



### PUNCA



### TINDAKAN



#### Terhadap:

1. Tuah Packet Sdn. Bhd. ("Tuah Packet")
2. Caliber Interconnects Sdn. Bhd. ("Caliber")
3. Aliran Digital Sdn. Bhd. ("Aliran Digital")
4. ViaMed Sdn. Bhd. ("ViaMed")
5. Novatis Resources Sdn. Bhd. ("Novatis")
6. Silver Tech Synergy Sdn. Bhd. ("SilverTech")
7. Venture Nucleus (M) Sdn. Bhd. ("Venture Nucleus")
8. Basenet Technology Sdn. Bhd. ("Basenet")

#### SECARA KESELURUHANNYA, DIDENDA RM1,548,192.35

kerana telah melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 melalui penglibatan dalam perjanjian kartel tipuan bida